

Muhyiddin Temui Guru SRJK Cina Dan Tamil Di Shah Alam
Bernama
12 April , 2012

SHAH ALAM, 12 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin akan mengadakan lawatan kerja ke Selangor Khamis.

Koordinator Barisan Nasional (BN) Selangor Datuk Seri Mohd Zin Mohamed berkata Muhyiddin akan memulakan lawatan itu dengan bertemu 1,000 guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil di sini dalam siri program tinjauan susulan jelajah 'Nurani Rakyat'.

Pada majlis itu, Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran akan bersarapan dengan guru berkenaan serta menyampaikan bantuan kewangan kepada sekolah Cina dan Tamil dari seluruh Selangor di Hotel De Palma, Seksyen 19, Shah Alam, katanya dalam satu kenyataan.

Timbalan Perdana Menteri juga akan bertemu kira-kira 5,000 anggota persatuan penjaja seluruh Selangor di Kompleks Belia Seksyen 7, Shah Alam, katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658461>